

06 APR 1997

Mahathir-jamuan

DR MAHATHIR DIRAI DI KUWAIT

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

BANDAR RAYA KUWAIT, 6 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diraikan dalam satu majlis jamuan malam oleh pemangku Perdana Menteri Kuwait Sheikh Sabah Al-Ahmed Al-Jaber Al-Sabah di Istana Bayan malam tadi.

Perdana Menteri yang tiba semalam untuk lawatan rasmi tiga hari, diiringi oleh Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifuddin Omar dan beberapa tokoh perniagaan Malaysia. Yang turut hadir ialah anggota-anggota jemaah menteri Kuwait.

Lawatan itu bertujuan mengukuhkan lagi hubungan dua hala selain memantapkan jalinan antara sektor perniagaan kedua-dua negara.

Sebelum itu, Dr Mahathir dikunjungi oleh Timbalan Perdana Menteri Kuwait Nassar Abdullah Al-Rawdhan, yang juga Menteri Kewangan di Istana Bayan, tempat Perdana Menteri menginap.

Pada siangnyanya Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali telah melawat Istana Al-Seif yang akan menempatkan pejabat Emir Kuwait serta anggota kabinetnya.

Kompleks berharga US\$400 juta itu dijangka siap menjelang akhir tahun ini.

Dr Mahathir dan rombongan juga dibawa melawat Kuwait Liberation Tower, sebuah menara telekomunikasi yang kelima tertinggi di dunia.

Menara setinggi 372 meter itu dibina dua tahun sebelum Perang Teluk. Ia sepatutnya dinamakan Menara Telekomunikasi tetapi ditukar kepada "menara pembebasan" sebagai lambang kepada pembebasan negara itu daripada cubaan penaklukan oleh Iraq.

Seperti Menara Kuala Lumpur, ia juga mempunyai sebuah restoran berpusing dan kawasan tinjauan untuk umum selain kemudahan untuk telekomunikasi.

Hari ini, Dr Mahathir dijadual menghadiri satu mesyuarat dua hala di Istana Bayan.

Beliau juga akan menghadiri satu pertemuan dengan ahli-ahli perniagaan Kuwait dan Malaysia. -- BERNAMA

ARA MAI